



17 Ogos 2020
17 August 2020
P.U. (A) 232

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL
PERUSAHAAN GETAH (SES) 2020

*RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT
AUTHORITY (CESS) ORDER 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH 1972

PERINTAH PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL
PERUSAHAAN GETAH (SES) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [*Akta 85*], Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Ses) 2020**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2020.

(3) Perintah ini hendaklah terpakai bagi Semenanjung Malaysia.

Pengenaan dan amaun ses

2. (1) Ses sebanyak sepuluh sen hendaklah dikenakan ke atas tiap-tiap satu kilogram atau sebahagian daripada satu kilogram getah yang dikeluarkan, dan yang dieksport.

(2) Getah yang disebut dalam subperenggan (1) adalah termasuk apa-apa penjenisan getah asli yang terkandung di dalam—

(a) apa-apa getah sebatian yang tidak tervulkan, sama ada dalam bentuk primer, plat, kepingan atau jalur yang diklasifikasikan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 40.05; atau

(b) apa-apa getah sebatian yang tidak tervulkan, dalam bentuk yang lain seperti rod, tiub dan profil dan barang seperti cakera dan gelang yang diklasifikasikan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 40.06.

Penjenisan getah

3. Penjenisan getah yang disebut dalam subperenggan 2(2) hendaklah mematuhi Rukun Tafsiran Am Sistem Berharmonis di bawah Konvensyen Antarabangsa Sistem Dekripsi Komoditi Harmonis dan Pengkodan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Duti Kastam 2017 [*P.U. (A) 5/2017*].

Cara pembayaran dan pungutan ses

4. (1) Bagi maksud pembayaran ses ke atas getah yang dikeluarkan, ses yang dikenakan dalam mana-mana bulan hendaklah dibayar kepada dan dipungut oleh Pihak Berkuasa tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya—

(a) daripada mana-mana pengilang getah;

(b) daripada mana-mana orang yang membawa keluar getah asli dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak; dan

(c) daripada mana-mana orang yang mengeksport getah.

(2) Bagi maksud pembayaran ses ke atas getah asli yang dipindahkan keluar dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak dan getah yang dieksport, ses yang dikenakan hendaklah dibayar dan dipungut di port-port eksport yang ditetapkan di bawah subperaturan 11(1) Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [*P.U. (A) 162/1977*].

Pembatalan

5. Perintah Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Ses) 1959 [*L.N. 387/1959*] dan Perintah Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Ses Atas Getah Yang Dijual Kepada Pengilang) 1998 [*P.U. (A) 248/1998*] dibatalkan.

Peruntukan peralihan

6. Apa-apa ses yang terhutang dan kena dibayar di bawah Perintah Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Ses) 1959 [*L.N. 387/1959*] dan

Perintah Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Ses Atas Getah Yang Dijual Kepada Pengilang) 1998 [*P.U. (A) 248/1998*] sebelum atau pada 1 Oktober 2020 hendaklah dibayar tidak lewat dari 30 November 2020.

Dibuat 4 Ogos 2020
[KPLB.PUU.(R).600-1/1/1(5); PN(PU2)122/II]

DATUK DR. HJ ABD LATIFF BIN AHMAD
Menteri Pembangunan Luar Bandar

RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY ACT 1972

RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY (CESS) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by section 16 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority Act 1972 [Act 85], the Minister, after consultation with the Minister of Finance, makes the following order:

Citation, commencement and application

1. (1) This order may be cited as the **Rubber Industry Smallholders Development Authority (Cess) Order 2020**.

(2) This Order comes into operation on 1 October 2020.

(3) This Order shall apply to Peninsular Malaysia.

Imposition and amount of cess

2. (1) A cess of ten cents shall be imposed on every one kilogram or part of one kilogram of rubber produced, and exported.

(2) The rubber referred to in subparagraph (1) includes any classification of natural rubber contained in—

(a) any compounded rubber unvulcanised, whether in primary form, plates, sheets or strip classified under the Harmonized System Code (H.S. Code) 40.05; or

(b) any compounded rubber unvulcanised, in other forms such as rods, tubes and profile and articles such as discs and rings classified under the Harmonized System Code (H.S. Code) 40.06.

Classification of natural rubber

3. The classification of natural rubber referred to in subparagraph 2(2) shall comply with the General Rules for the Interpretation of the Harmonized System under the International Convention on the Harmonized Commodity Description and Coding System as provided in the Customs Duties Order 2017 [*P.U. (A) 5/2017*].

Manner of payment and collection of cess

4. (1) For the purposes of the payment of cess on rubber produced, the cess imposed in any month shall be paid to and collected by the Authority not later than the last day of the following month—

(a) from any rubber manufacturer;

(b) from any person who transfers natural rubber from Peninsular Malaysia to Sabah or Sarawak; and

(c) from any person exporting rubber.

(2) For the purposes of the payment of cess on natural rubber transferred out from Peninsular Malaysia to Sabah and Sarawak and rubber exported, the cess imposed shall be paid and collected at the ports of export prescribed under subregulation 11(1) of the Customs Regulations 1977 [*P.U. (A) 162/1977*].

Revocation

5. The Rubber Industry (Replanting) Fund (Cess) Order 1959 [*L.N. 387/1959*] and the Rubber Industry (Replanting) Fund (Cess on Rubber Sold to Manufacturers) Order 1998 [*P.U. (A) 248/1998*] are revoked.

Transitional Provision

6. Any cess due and payable under The Rubber Industry (Replanting) Fund (Cess) Order 1959 [*L.N. 387/1959*] and the Rubber Industry (Replanting) Fund (Cess on Rubber

Sold to Manufacturers) Order 1998 [*P.U. (A) 248/1998*] before or on 1 October 2020 shall be paid not later than 30 November 2020.

Made 4 August 2020
[KPLB.PUU.(R).600-1/1/1(5);PN(PU2)122/II]

DATUK DR. HJ ABD LATIFF BIN AHMAD
Minister of Rural Development